

SIARAN MEDIA

4 Disember 2017
UNTUK SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA METERAI MEMORANDUM PERJANJIAN DENGAN PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI MENILAI PROJEK-PROJEK KESELAMATAN BANDAR PINTAR (*SMART CITY*)

PUTRAJAYA (4 Disember 2017) - Isu keselamatan siber kini menjangkau lebih dari hanya penggunaan Internet dan komputer. Peranti-peranti pintar telah menguasai pasaran ekonomi digital sejajar dengan perkembangan teknologi *Internet of Things* (IoT). Melalui IoT, peranti pintar dilengkapi dengan pelbagai jenis teknologi antaranya *sensor* yang berhubung secara terus dengan pengestoran awan atau *Cloud Storage* melalui Internet. Namun, sekiranya kemajuan teknologi ini disalahgunakan maka kita akan terdedah kepada pelbagai ancaman siber.

Menyedari hakikat ini, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan keselamatan teknologi yang digunakan. Maka pada hari ini, CyberSecurity Malaysia bersama Perbadanan Putrajaya (PPj) bersetuju untuk menjalin kerjasama dengan memeterai Memorandum Perjanjian bagi menilai projek-projek keselamatan Bandar Pintar atau *Smart City*. Ini merupakan salah satu inisiatif dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan siber bagi melaksanakan pembangunan Bandar Pintar terutama bagi sistem yang menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT).

“Sebagai agensi pakar keselamatan siber negara, kami telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Perkhidmatan Penilaian Keselamatan (VAPT) bagi Bandar Pintar bertujuan meningkatkan ketahanan negara dan kesejahteraan komuniti bandar tersebut terhadap ancaman keselamatan siber.” Kata Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.



“Melalui perkhidmatan ini, CyberSecurity Malaysia akan membantu meningkatkan tahap keselamatan siber dengan mengkaji dan mengenal pasti setiap kelemahan yang wujud di dalam sistem IoT yang dimiliki oleh setiap organisasi.” ujar Dato’ Dr. Haji Amirudin.

Memorandum Perjanjian tersebut meliputi beberapa bidang kerjasama, antaranya mengenalpasti setiap kelemahan yang mungkin wujud dalam melaksanakan pembangunan Bandar Pintar, mendedahkan isu-isu ancaman keselamatan siber serta mengetengahkan impak ancaman keselamatan siber kepada semua pengguna dan memberi fokus mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak dalam mengambil langkah menangani isu ancaman keselamatan siber.

Melalui kolaborasi ini, Perbadanan Putrajaya akan menyediakan platform bagi ujian penilaian keselamatan ini dilakukan bagi skop-skop yang telah dikenalpasti dan dipersetujui. Sebanyak 7 skop telah dikenalpasti iaitu Sistem Wi-Fi Percuma untuk kegunaan pihak awam, Sistem Litar Tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi tertentu di Putrajaya, Sistem Lampu Isyarat, Sistem Pemantauan Kualiti Air Tasik Putrajaya, Sistem Pemantauan Empangan Putrajaya, Sistem *Common Utility Trench* (CUT) dan Sistem Pemantauan Cuaca di Putrajaya. Ujian-ujian penilaian ke atas 7 skop ini akan dijalankan secara berperingkat selama 2 tahun.

~ Tamat ~

For additional information, visit our website at <http://www.cybersecurity.my> and for general inquiry, email to info@cybersecurity.my.

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)